

## TELECENTER KOMUNITI LUAR BANDAR DAN PERANAN BELIA

GUSNI SAAT

### ABSTRAK

*Makalah ini membincangkan peranan kaum belia dalam menjayakan projek telecenter komuniti dan manfaatnya sebagai sumber informasi dan alat komunikasi kepada kaum belia untuk membina kerjaya. Bagaimana telecenter mengekalkan solidariti mereka dengan komunitinya, walaupun mereka telah bekerja di bandar, juga dibincangkan. Data makalah ini adalah berdasarkan pengalaman lima buah Projek Telecenter komuniti pribumi di Sarawak dan Sabah, kendalian ISITI-CoERI UNIMAS. Makalah ini menegaskan bahawa golongan belia adalah pra-syarat kejayaan sesebuah projek telecenter komuniti luar bandar. Ini kerana beberapa tugas penting dalam proses mengasaskan telecenter memerlukan penglibatan aktif mereka. Ia merangkumi penjana maklumat dan menggerakkan penyertaan komuniti, menjadi pelatih dan juru latih penggunaan telecenter dalam komuniti serta sebagai pengguna aktif telecenter. Internet telecenter telah menjadi laluan pantas kaum belia komuniti menjana maklumat dan menjadi alat komunikasi mereka dengan dunia luar tanpa terhalang oleh kedudukan petempatan yang terpencil. Hanya menggunakan internet telecenter tanpa perlu ke bandar, kaum belia komuniti akses kepada peluang pendidikan dan pekerjaan. Kemudahan komunikasi (internet dan telefon satelit) di telecenter komuniti telah menyebabkan kaum belia yang bekerja di bandar kerap balik ke kampung berbanding sebelumnya. Ia telah melestarikan solidariti mereka dengan komuniti. Disamping itu mereka juga terus dapat membantu meningkatkan pembangunan komuniti.*

**Kata Kunci:** Belia, Telecenter, Komuniti, Bandar, ISITI-CoERI

### ABSTRACT

*This article is discussed a role of youths in established community telecentre, it advantages (telecenter) as a source of information and means of communication for them to develop their careers. How telecentre be able to cohesive youth's solidarity with their communities also was discussed. A data of the article is entirely based on experiencing of five ISITI-CoERI indigenous community telecentres in Sabah and Sarawak. Arguments of the article are the youths indeed are pre-condition to secure the successful of establishing the telecenter of rural community. It was due to certain pertinent tasks in the process of establishing the telecenter is needed their roles such as to generate community's data and mobilization, to be a training-trainers and to be an active user of the telecenter. The telecentre's internet has become instant means for them to generate useful information as well as their communication with outsiders regardless their settlements remoteness.*

*By utilising the community's telecentre's internet the youths had access to every opportunity in order to secure potential jobs and educations. The provided communication facilities in community's telecentres (internet and satellite phones) was encouraging youths regularly returned back to their community in compared previously. Consequently it has been cohesion their community's solidarity, besides discharge their role to promote their community development.*

**Keywords:** Youth, Telecenter, Community, Urban, ISITI-CoERI.

## PENGENALAN

Penggerak utama dunia sosial Abad ke-21 yang lebih dikenal sebagai era globalisasi adalah Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT). Dari awal kemunculan era globalisasi, masyarakat sejagat terus memperkatakan peranan ICT terutama internet, dalam kehidupan manusia dan pembangunan dari segenap dimensi. Maka ICT telah dianggap sebagai pra-syarat perkembangan peradaban dan pembangunan ekonomi dunia era globalisasi. Ke arah memenuhi pra-syarat tuntutan dunia era globalisasi, maka boleh dikatakan semua negara termasuklah kumpulan negara sedang membangun, giat mempersiapkan infrastruktur ICT masing-masing. Ia sebagai asas sistem pengurusan dan pembangunan demi meningkatkan daya saing negara dalam dunia era globalisasi. Dari itu munculah beberapa istilah seperti eEkonomi, ePengetahuan, eKerajaan dan eKomuniti (INFODesa, 2012) bagi menggambarkan kepentingan peranan ICT dalam masyarakat.

Malaysia adalah antara negara sedang membangun yang terkehadapan dalam pembangunan infrastruktur ICT. Ia selaras dengan hasratnya melaksanakan sistem pengurusan dan pembangunan yang berasaskan ICT. Oleh itu pembangunan ICT telah menjadi antara agenda penting sejak Rancangan Malaysia Kelapan (RM8). Ini kerana Malaysia menjangkakan globalisasi akan terus menjadi landasan utama pembangunan sosial peringkat nasional dan global. Pada tahap global, hanya dengan memiliki infrastruktur ICT yang baik sesebuah negara akan memiliki daya saing untuk menyertai pembangunan sosio-ekonomi antarabangsa. Pada tahap nasional pula, pelaksanaan dasar-dasar negara tentang pembangunan akan lebih bersepadu dan berkesan dengan penggunaan ICT sebagai sistem penyampaian.

Dalam keinginan untuk melaksanakan sepenuhnya dasar ICT, Malaysia masih berdepan dengan beberapa masalah. Antaranya ialah “jurang digital” yang masih sangat lebar antara masyarakat di bandar dengan masyarakat di luar bandar, dengan perbezaan pada kadar 93.3% dan 6.7% (Infodesa 2012). Ini kerana tidak kurang 40% penduduk kawasan luar bandar Malaysia masih belum akses kepada kemudahan ICT terutama internet. Di Sarawak dan Sabah sahaja lebih 60 peratus penduduk terutama kaum pribumi/bumiputra, adalah penghuni kawasan luar

Bandar. Kebanyakan komuniti luar bandar ini sukar berhubung dengan pihak luar kerana tidak ada jalanraya dan alat komunikasi lain (Gusni Saat, 2011). Masalah melaksanakan ICT dalam masyarakat luar bandar bukan sahaja hanya melibatkan isu penyediaan infrastruktur ICT. Malahan ia juga turut membabitkan masalah penerimaan ICT oleh penduduk yang terlibat. Ini merupakan masalah pokok yang jauh lebih rumit untuk diatasi berbanding menyediakan infrastruktur ICT (Gusni Saat, 2011).

Tujuan makalah ini ialah membincangkan peranan golongan belia untuk menjayakan projek ICT dalam kalangan komuniti luar bandar yang terpencil di Sarawak dan Sabah. Dalam makalah ini diperlihatkan bagaimana peranan golongan belia dan telecenter saling memerlukan. Disamping itu manfaat telecenter kepada pembangunan belia komuniti penelitian juga dibincangkan. Makalah ini menumpukan perbincangan ke atas projek ICT komuniti yang melibatkan beberapa suku etnik pribumi luar bandar terpencil di Sarawak dan Sabah. Ia juga berdasarkan data kajian ke atas lima buah Projek ICT yang dikenal sebagai Telecenter yang dikendalikan oleh *Institute of Social Informatics and Technology Innovation* (ISITI) and *Centre of Excellence Rural Informatics* (CoERI) iaitu dua gabungan Pusat Kecemerlangan Akademik di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Telecenter ini dilaksanakan di lima buah komuniti iaitu Bario, Long Lamai dan Ba'kelalan di Sarawak dan di Sabah pula melibatkan komuniti Buayan dan komuniti Pulau Larapan.

## KONSEP KENDALI

Empat konsep asas yang digunakan dalam perbincangan makalah ialah belia, komuniti, telecenter dan peranan. Konsep-konsep asas ini merupakan alat analisis kajian bagi menginterpretasi data, merumuskan fakta dan seterusnya menerangkan subjek kajian.

### **Belia**

Belia dalam makalah ini adalah merujuk kepada warga komuniti yang berumur dalam lingkungan 15 ke 40 tahun. Ini merupakan taktif belia yang digunapakai secara rasmi di Malaysia (Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2006). Mereka terdiri dari lelaki dan wanita serta berdasarkan gender, mereka mempunyai peranan yang telah ditetapkan oleh budaya komunitinya (Chalfant, H.P. & LaBeff.,1988).

### **Komuniti**

“Komuniti” mempunyai banyak pengertian tetapi secara umum ia dapat di bahagi dua pengertian, pertama, pengertian generik dan kedua, pengertian khusus. Pengertian generik lebih melihat komuniti dari sudut persamaan kerjaya seperti komuniti nelayan, komuniti akademik dan komuniti neniaga (Gusni Saat 2008).

Sedangkan dari pengertian khusus pula komuniti dilihat sebagai sekumpulan orang yang dari segi bilangan relatif sedikit dan solidariti mereka diikat oleh perasaan kekitaan, pertalian darah dan suku etnik serta menduduki sesebuah petempatan. Jenis komuniti khusus ini juga dikenal sebagai rural community (Bell, C. & Newly H., 1971).

Pengertian komuniti yang dirujuk dalam makalah ini adalah pengertian yang kedua. Kebanyakan amalan hidup komuniti adalah bersifat kolektif dan agak seragam seperti tempat tinggal, ekonomi dan amalan-amalan lain dalam budaya. Hal ini membayangkan kebanyakan aktiviti dalam kalangan warga komuniti adalah berpusatkan komuniti dan kepentingan komuniti harus didahulukan (Gusni Saat, 2008).

### ***Telecenter***

“Telecenter” adalah konsep ICT untuk komuniti luar bandar yang diguna-pakai oleh ISITI-CoERI. Ia merujuk kepada ICT yang dibangun dalam komuniti pribumi di Sarawak dan Sabah. Ia berupa sebuah bangunan sebagai pusat yang menempatkan sejumlah komputer yang akses kepada internet. Internet ini menggunakan VSAT (*very small aperture terminal*) iaitu sistem telekomunikasi satelit yang dibekalkan oleh Maxis, sebuah syarikat telekomunikasi global tempatan.

Selain itu, di pusat ini juga disediakan beberapa set telefon satelit yang juga berkomunikasi menggunakan sistem telekomunikasi satelit VSAT. Pusat ini digerakan oleh tenaga elektrik yang dijana dari sumber yang boleh diperbaharui iaitu sama ada sistem solar atau mini-hidro.

### ***Peranan***

Tugas yang diberikan kepada seseorang atau sekumpulan orang oleh pihak lain untuk disempurnakan dan ia melibatkan jangkaan/harapan serta ganjaran tertentu, adalah diistilahkan sebagai peranan (Chalfant, H.P& LaBeff.,1988). Berdasarkan pengertian demikian, maka untuk makalah ini peranan diertikan sebagai kesediaan golongan belia komuniti untuk terlibat secara aktif dalam projek telecenter komuniti. Ia dilakukan atas kesedaran bahawa projek berkenaan milik komunitinya demi kepentingan mereka bersama.

Maka harapan yang dijangkakan oleh komuniti dan pemaju projek dari golongan belia ialah sumbangan menjayakan projek telecenter komuniti. Sebagai ganjaran peranan mereka ialah manfaat yang bakal dinikmati bersama oleh warga komuniti. Dalam perbincangan makalah ini, peranan golongan belia komuniti penelitian dilihat dalam rangka manfaat yang bersifat timbal-balik di antara kaum belia, komuniti dan telecenter.

## PENGALAMAN ISITI-COERI MELAKSANAKAN TELECENTER KOMUNITI

Di Malaysia projek ICT luar bandar milik Negara lebih tertumpu kepada sekolah, klinik dan perpustakaan. Hanya sebahagian kecil sahaja dibangunkan khusus untuk kegunaan warga komuniti luar bandar (lihat Infodesa 2012). Ini menunjukkan masih banyak usaha yang perlu dilakukan oleh Malaysia bagi membawa ICT ke dalam kehidupan masyarakat yang menghuni kawasan luar bandar terutama yang sukar berhubung dengan dunia luar. Oleh hal yang demikian timbul isu “jurang digital” di antara masyarakat di bandar dengan masyarakat yang menghuni kawasan luar bandar.

Hal yang dimaksudkan sebagai “jurang digital” adalah peluang untuk akses kepada ICT dan internet lebih tertumpu kepada masyarakat di kawasan bandar berbanding mereka yang menghuni kawasan luar bandar. Akibatnya masyarakat luar bandar tidak dapat menjadikan ICT seperti internet, sebagai sumber penjana ilmu-pengetahuan dan juga alat komunikasi dengan pihak luar. Dengan pihak kerajaan umpamanya, disebabkan tidak mempunyai kemudahan ICT seperti internet, segala urusan rasmi dilakukan secara bersemuka atau melalui surat.

Dalam keadaan Malaysia berdepan dengan masalah untuk melebarkan penggunaan ICT kepada masyarakat di luar bandar, maka pada tahun 1998 kumpulan inovasi ICT UNIMAS telah memulakan Projek ICT Komuniti di Bario dan ia terbukti berjaya. Terdorong oleh kejayaan ICT komuniti Bario, maka pada tahun 2007 muncul sebuah pusat kecemerlangan akademik di UNIMAS yang dikenal sebagai *Center of Excellence Rural Informatics* (CoERI). Kini ia telah bergabung dengan *Institute of Social Informatics and Technology Innovation* (ISITI) yang dibentuk pada tahun 2011 dengan jenama ISITI-CoERI. Matlamat penubuhannya adalah untuk melakukan inovasi ICT yang dapat menjana dan juga menyebarkan ilmu-pengetahuan ICT kepada komuniti luar bandar secara mapan (ISITI-CoERI). Telecenter menjadi alat utama ISITI-CoERI untuk mencapai matlamat berkenaan.

Setakat ini ISITI-CoERI telah berhasil menubuhkan lima buah telecenter di lima buah komuniti terpilih di kawasan luar bandar Sarawak dan Sabah. Sebagai salah satu cara dan strategi untuk mencapai matlamatnya maka penubuhan telecenter komuniti telah diusahakan. Sehubungan itu ISITI-CoERI telah meletakkan dua objektif telecenter komuniti untuk dicapai:

- i) untuk merapatkan jurang digital di antara kawasan bandar dengan kawasan luar bandar; dan
- ii) untuk mempromosikan pembangunan ekonomi penduduk luar bandar.

tebing Sungai Buayan yang memakan waktu lebih kurang satu jam. Sesudah itu perjalanan ke Buayan diteruskan dengan berjalan kaki menempuh beberapa anak sungai, bukit-bukau selama antara 3 ke 4 jam.

Pulau Larapan terletak di daerah Semporna dalam Bahagian Tawau, Pantai Timur Sabah. Lokasinya di Kepulauan Laut Celebes dalam kawasan sempadan Malaysia-Indonesia-Filipina. Untuk sampai ke Pulau Larapan dari bandar Semporna, penduduk atau pelawat hanya menggunakan bot dan perjalanan mengambil masa sekitar setengah ke satu jam. Penduduk Pulau Larapan adalah terdiri dari suku etnik Sama-Bajau. Dari segi etnik mereka bahagian dari suku etnik Sama-Bajau yang menjadi pribumi di Kepulauan Sulu Filipina serta Sulawesi dan Nusantara, Indonesia (Gusni Saat, 2008). Ekonomi komuniti Pulau Larapan umumnya masih bergantung kepada hasil laut.

### ***Faktor Kejayaan Telecenter ISITI-CoERI***

Asas kejayaan ISITI-CoERI melaksanakan projek telecenter komuniti dapat di rumuskan kepada tiga faktor utama iaitu falsafah telecenter, penyertaan aktif komuniti dan peranan kaum belia. Dari segi “falsafah telecenter”, ISITI-CoERI menegaskan bahawa telecenter yang diwujudkan adalah harta milik komuniti dan untuk kepentingan mereka. Dari itu sebaik sahaja telecenter berdiri maka keselamatan dan penggunaannya adalah menjadi tanggungjawab komuniti. Berjaya atau gagal objektif penubuhan telecenter adalah ditentukan oleh komuniti berkenaan.

Demi memastikan falsafah telecenter dihayati oleh warga komuniti maka perbincangan dan penerangan pihak penganjur projek (ISITI-CoERI) dengan komuniti pada fasa mendapatkan kesediaan dan kebertanggungjawapan komuniti (*community engagement*) perlu memberikan penekanan terhadap falsafah ini. Mengenai “penyertaan aktif komuniti” penganjur projek telah memastikan bahawa komuniti benar-benar bersetuju dan bersedia digerakan bagi memulakan projek telecenter. Hal ini amat diberikan penekanan pada tahap mengerakkan komuniti (*community mobilization*) kerana ia membabitkan kerjasama penuh komuniti bagi menubuhkan telecenter. Ia melibatkan kerja-kerja pengumpulan data, bergotong-royong membina bangunan telecenter dan mengadakan kursus penggunaan komputer dan internet.

Kaum belia merupakan penggerak utama kejayaan mengasaskan telecenter komuniti kerana banyak kerja-kerja berkenaan hanya dapat dilaksanakan oleh mereka. Ini termasuklah kerja mengumpul data bagi mengetahui apa keperluan komuniti yang dapat ditampung oleh telecenter. Selain itu, tenaga golongan belia juga amat diperlukan dari segi menerima latihan ICT dan sesudah itu menjadi juru latih pula kepada warga komuniti masing-masing.

### ***Ciri-Ciri Belia Komuniti Telecenter ISITI-CoERI***

Ciri-ciri yang dibincangkan dalam Bahagian ini hanyalah hal-hal yang sepunya untuk semua belia komuniti yang telah mendapat kemudahan telecenter ISITI-

CoERI. Empat ciri berkenaan yang dapat dirumuskan dari pemerhatian ke atas golongan belia di lima buah komuniti, adalah pendidikan, kesediaan, jaringan sosial dan mobiliti sosio-demografi.

### ***Pendidikan***

Secara umum boleh dikatakan 80 peratus dari kaum belia di semua telecenter komuniti adalah memiliki pendidikan asas akademik. Dengan demikian sekurang-kurangnya mereka tahu membaca dan menulis. Dari jumlah ini lebih kurang 10 peratus berkelulusan Penilaian Menengah Rendah (PMR) hingga Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan lebih kurang 5 peratus yang berkelulusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Kebanyakan belia komuniti penelitian memiliki asas pendidikan akademik kerana setiap komuniti mempunyai sekolah rendah yang telah beroperasi tidak kurang dari 10 tahun.

### ***Kesediaan***

Boleh dikatakan kaum belia komuniti yang faham tentang ICT dan internet adalah lebih bersedia untuk turut terlibat secara aktif dalam menjayakan pembangunan telecenter dalam komuniti masing-masing. Minat dan kesediaan mereka dapat diperhatikan sejak fasa kegiatan mendapatkan penglibatan aktif komuniti lagi. Dalam siri-siri pertemuan/perbincangan dengan komuniti, didapati lebih 65 peratus peserta komuniti adalah golongan belia.

### ***Jaringan sosial***

Umumnya kebanyakan belia dalam komuniti yang mendapat telecenter ISITI-CoERI mempunyai jaringan sosial yang banyak dengan pihak luar, terutama di kawasan bandar. Kebanyakan jaringan mereka adalah terdiri dari mantan kawan-kawan sekolah yang bekerja di bandar. Disamping itu mereka juga mempunyai jaringan sosial dengan individu-individu yang pernah mereka kenal atas urusan-urusan tertentu dan kini mereka terus menjalin persahabatan.

### ***Mobiliti Sosio-Demografi***

Boleh dikatakan semua belia dalam komuniti-komuniti telecenter ISITI-CoERI pernah berkunjung ke bandar-bandar di Sarawak/Sabah dan bandar-bandar lain di Malaysia. Malahan 30 peratus mereka pernah bekerja di bandar dalam tempoh antara enam bulan ke lima tahun. Ada pula dalam kalangan mereka yang pernah bekerja dan berhenti dua atau tiga kali dan balik ke kampung. Pekerjaan yang mereka pernah ceburi di bandar rata-rata di sektor swasta yang bergaji rendah.

Pengalaman kerja mereka yang ditambah pula dengan jaringan sosial yang agak baik dengan pihak luar, menyebabkan mereka mudah untuk keluar mencari pekerjaan baharu di bandar-bandar besar. Pengalaman dari lima buah telecenter komuniti ISITI-CoERI ini menunjukkan bahawa telecenter telah membuatkan mobiliti sosio-demografi kaum belia bertambah dinamik.

### ***Peranan Belia dalam Penubuhan Telecenter***

Pengalaman ISITI-CoERI menubuhkan telecenter di lima buah komuniti pribumi luar bandar di Sarawak dan Sabah menunjukkan bahawa peranan golongan belia begitu kritikal dan penting. Peranan mereka boleh dilihat dalam soal menjana maklumat berkenaan dengan keperluan ICT kepada komuniti, menerima latihan ICT dan kemudian menjadi juru latih kepada para pengguna telecenter warga komuniti masing-masing.

Dalam Jawatankuasa Kerja Telecenter dan Jawatankuasa Pemandu Telecenter komuniti, peranan golongan belia amat penting bagi memastikan kelestarian fungsi telecenter. Asas kejayaan ISITI-CeORI mengasaskan dan melaksanakan Projek Telecenter komuniti luar bandar ialah konsep “community participatory”. Intipati konsep ini ialah Projek telecenter adalah harta milik komuniti berkenaan. Dari itu, penerimaan dan penglibatan aktif komuniti adalah suatu keperluan pra-syarat. Dalam hal ini peranan golongan belia adalah faktor yang kritikal kepada kejayaan objektif telecenter komuniti.

### ***Penjana Maklumat Keperluan Telecenter Komuniti***

Sebelum sesebuah telecenter dapat ditubuhkan dalam sesebuah komuniti yang dicalonkan, ISITI-CoERI perlu mematuhi prosedur yang ditetapkan. Dalam prosedur ini ada tiga tahap proses kerja utama yang terlibat, pertama, perundingan mendapatkan persetujuan dan komitmen komuniti (*community engagement*); kedua, menggerakkan komuniti ke arah memulakan projek telecenter (*community mobilization*); dan ketiga, pelaksanaan projek telecenter (*project implementation*). Golongan belia diperlukan terlibat secara aktif dalam semua fasa proses kerja yang telah dinyatakan.

Penjanaan maklumat tentang keperluan komuniti yang dapat ditampung oleh telecenter, termasuk dalam fasa proses kerja yang pertama. Perkara asas dalam fasa ini ialah membuat penilaian kebarangkalian perlu ataupun tidak telecenter kepada komuniti berkenaan dan jika diperlukan, kenapa. Untuk itu satu kajian yang menyeluruh tentang demografi dan sosio-ekonomi komuniti-komuniti berkenaan perlu dilakukan dan survei soal-selidik merupakan satu kaedah mendapatkan maklumat. Pengalaman ISITI-CoERI menunjukkan bahawa golongan belia di setiap komuniti adalah berperanan penting untuk menjalankan kerja-kerja survei.

Asas pendidikan akademik yang dimiliki dan juga sebagai orang yang tidak asing kepada warga komuniti, telah membolehkan golongan belia yang terlibat dapat melaksanakan survei dengan jaya. Selain itu mereka juga telah dapat melakukan tugas-tugas lain yang berkaitan dengan keperluan telecenter komuniti dengan baik.

### ***Menggerakkan Komuniti Memulakan Projek Telecenter***

Setelah tamat fasa pertama dan komuniti telah bersedia sepenuhnya untuk digerakan bagi memulakan Projek, maka golongan belia terus memainkan peranan penting. Telecenter Bario adalah Projek ICT komuniti luar bandar ulung UNIMAS yang dianggap berjaya mencapai objektifnya. Kejayaan ini telah mendapat beberapa pengiktirafan dalam dan luar negara (lihat eBario UNIMAS). Atas sebab itu faktor kejayaan ini telah dijadikan model oleh ISITI-CoERI bagi melaksanakan empat buah lagi projek telecenter komuniti di Long Lamai, Buayan, Pulau Larapan dan Ba'kelalan.

Proses kerja menubuhkan telecenter komuniti amat memerlukan kerjasama dan kebertanggungjawapan komuniti yang terbabit. Atas sebab itu warga komuniti di bahagikan kepada tiga kategori, pertama, semua warga; kedua, golongan pemimpin; dan ketiga golongan belia lelaki dan wanita. Pada tahap proses kerja pertama (mendapatkan komitmen komuniti), semua warga komuniti perlu terlibat, termasuklah golongan pemimpin dan belia. Pada tahap proses kerja kedua (menggerakkan komuniti memulakan penubuhan telecenter), golongan pemimpin dan belia terlibat langsung; dan pada tahap proses kerja ketiga (pelaksanaan projek), komuniti mewakili tugas dan tanggungjawab kepada sebuah Jawatankuasa Kerja Telecenter yang terdiri dari kalangan pemimpin, belia dan individu tertentu yang dikenal-pasti boleh memimpin jawatankuasa ini.

Komuniti juga mewakili kuasa kepada sebuah Jawatankuasa Pemandu Telecenter yang ahlinya terdiri dari pihak-pihak yang berkepentingan (*stake holders*) dari luar komuniti. Daripada kalangan ahli Jawatankuasa Kerja Telecenter akan diangkat seorang sebagai ketua dengan gelaran Juara lokal (*local champion*). Ini bermakna golongan belia dalam komuniti adalah terlibat aktif dalam semua tahap penubuhan telecenter terutama sebagai anggota dalam Jawatankuasa Kerja Telecenter dan Jawatankuasa Pemandu Telecenter.

Pada fasa kedua iaitu menggerakkan komuniti untuk bekerja memulakan projek telecenter, beberapa warga komuniti berkenaan akan dipilih untuk mengikuti Bengkel Telecenter. Semasa Bengkel itu mereka berkenalan dengan para peserta dari semua telecenter komuniti ISITI-CoERI yang telah beroperasi. Program ini diadakan bersempena “eBario Knowledge Fair” yang berlangsung setiap dua tahun. Objektif penyertaan wakil komuniti ini ialah bagi memberikan mereka pendedahan, pengalaman dan kefahaman yang lebih mendalam tentang manfaat telecenter kepada komuniti. Pada kebiasaan 60 peratus wakil komuniti dalam Bengkel Telecenter adalah terdiri dari kaum belia. Mereka juga menjadi sebahagian dari ahli juru latih telecenter komuniti setelah menerima latihan dari pihak ISITI-CoERI.

Penglibatan aktif golongan belia menjadi lebih kritikal dan penting pada tahap ketiga iaitu pelaksanaan. Pada tahap ini, infrastruktur telecenter telah siap sepeunuhnya seperti bangunan dan peralatan komputer, sistem pemancar satelit VSAT, janakuasa solar atau mini-hidro dan sambungan komputer ke internet. Pada tahap ini sejumlah belia komuniti berkenaan dipilih bagi mengikuti latihan penggunaan komputer dan internet. Pengalaman ISITI-CoERI menunjukkan bilangan mereka yang perlu mengikuti kursus ICT ialah antara 25 orang ke 40 orang. Para pelatih ini menerima latihan dari tenaga pengajar ICT dari ISITI-CoERI yang mengambil masa antara satu ke tiga bulan di telecenter masing-masing. Ada juga kes beberapa orang dalam kalangan para pelatih ini dihantar ke ISITI-CoERI, UNIMAS untuk menjalani latihan lanjut.

Golongan remaja yang kebanyakan masih bersekolah dalam komuniti merupakan golongan pelapis pengguna telecenter komuniti. Merekalah yang bakal menjadi belia ini bakal berperanan meneruskan kelestarian fungsi telecenter komuniti. Pengalaman ISITI-CoERI mendapati bahawa golongan remaja adalah pengguna aktif telecenter komuniti. Malahan pengalaman di Buayan dan Long Lamai memperlihatkan bahawa telecenter sentiasa digunakan oleh pihak sekolah bagi mengendalikan mata pelajaran yang memerlukan internet disebabkan capaian internet sekolah-sekolah komuniti berkenaan sangat lemah.

## KESIMPULAN

Gagal atau jayanya sesebuah telecenter komuniti luar bandar untuk mencapai objektif penubuhannya amat bergantung kepada golongan belia komuniti-komuniti berkenaan. Ini kerana para pelatih belia adalah orang yang akan mengajar warga komunitinya cara menggunakan komputer dan internet. Oleh sebab itu, golongan belia yang terpilih sebagai pelatih adalah terdiri dari mereka yang mempunyai asas pendidikan akademik dan mempunyai minat mendalam dalam ilmu ICT. Golongan belia juga telah dikenal-pasti sebagai pengguna utama telecenter komuniti kerana mereka mempunyai jaringan sosial yang luas dengan pihak di luar komuniti. Mereka juga memerlukan banyak maklumat yang hanya diperoleh menerusi internet. Maklumat tentang peluang-peluang pekerjaan dan urusan mendapatkan pekerjaan sebagai contoh, adalah antara urusan yang begitu penting kepada golongan belia komuniti yang ada telecenter.

Mereka juga mendapatkan maklumat tentang peluang pendidikan tinggi dari internet telecenter komuniti dan seterusnya melakukan urusan yang berkaitan. Oleh itu semenjak adanya telecenter komuniti, kaum belia boleh melakukan urusan secara langsung dengan pihak lain di bandar tanpa perlu pergi ke sana yang sebenarnya memerlukan perbelanjaan yang banyak. Sebaliknya mereka hanya perlu membuat persiapan pergi ke bandar setelah mendapat tempat belajar atau pekerjaan.

Pengalaman Telecenter ISITI-CoERI memperlihatkan bahawa fasa selepas latihan para pelatih sangat penting bagi memastikan komuniti dapat memanfaatkan kemudahan telecenter dan seterusnya mencapai matlamat Projek Telecenter berkenaan. Pada fasa ini para kumpulan belia yang telah mendapat latihan telecenter perlulah mengajarkan pengetahuan ICT kepada seramai mungkin warga komuniti. Berdasarkan model ISITI-CoERI, ada tiga golongan sasaran pengguna telecenter iaitu remaja, belia dan dewasa lelaki dan wanita. Walaupun ketiga-tiga golongan ini perlu diajar menggunakan komputer-internet tetapi golongan remaja dan belialah yang menjadi keutamaan.

Sebelum wujud kemudahan telecenter dalam komuniti lagi sehingga kini, fenomena migrasi keluar dalam kalangan kaum belia komuniti merupakan satu fenomena sosial yang berterusan. Mereka migrasi ke tempat-tempat lain terutama di bandar untuk mencari pekerjaan atau melanjutkan pelajaran. Ini merupakan fenomena biasa akibat urbanisasi yang menyebabkan jurang pembangunan antara kawasan luar bandar dengan kawasan bandar semakin ketara. Pengalaman ISITI-CoERI menunjukkan trend migrasi dalam kalangan belia komuniti ke kawasan bandar semakin dinamik dengan adanya kemudahan telecenter dan internet. Dinamik migrasi belia yang dimaksudkan ialah pergi-balik antara bandar dengan komuniti (kampung) dalam kalangan belia lebih kerap berbanding keadaan sebelum adanya telecenter komuniti.

Golongan belia terutama mereka yang telah bekerja di bandar lebih kerap untuk pulang ke komuniti (kampung) kerana kemudahan telecenter membolehkan mereka terus berkomunikasi dengan rakan dan majikan walaupun sedang bercuti di kampung. Keadaan ini seterusnya membolehkan mereka terus menyumbang kepada kelestarian telecenter. Ini kerana di samping sebagai pengguna, mereka juga boleh mengajar warga komuniti menggunakan telecenter dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan komuniti.

## RUJUKAN

- Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2006. Putrajaya: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Bell, C. & Newly, H. 1971. *Community studies: an introduction to the sociology of the local community*. London: George Allen & Unwin Ltd.
- Chalfant, H. P & LaBeff, E. 1988. *Understanding people and social life: introduction to sociology*. New York: West Publishing Company.
- eBario Homepage UNIMAS.[www.uimas.my/ebario/progress\\_index.htm](http://www.uimas.my/ebario/progress_index.htm)

Gusni Saat. 2008. *Suku etnik Bajau, urbanisasi dan perubahan*. Kuala Lumpur: DBP.

Gusni Saat. Studying the impact ICTs on rural development: a general framework. Kertas kerja CITA Workshop "How to deploy technologies (ICT) to remote and rural communities" Organized by ISITI-CoERI, UNIMAS 11 July 2011 at Teaching Lab 1.

INFODesa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. [Http://www.infodesa.gov.my/web/guest/dasar-ict-kementerian](http://www.infodesa.gov.my/web/guest/dasar-ict-kementerian).

ISITI-CoERI UNIMAS, <http://www.isiti.unimas.my/>

Poline Bala. 2002. *Changing borders and identities in the Kelabit Highlands: anthropological reflections on growing up near an international border*. Kota Samarahan: UNIMAS.

Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). [Http://www.mampu.gov.my/web/guest/keurusetiaan](http://www.mampu.gov.my/web/guest/keurusetiaan)

### ***Profil Penulis***

*Gusni Saat, PhD  
Profesor Madya  
Fakulti Sains Sosial  
UNIMAS  
sgusni@fss.unimas.my*